

Ucapan Hari Audit 1 Malaysia Tahun 2015

Pusat Konvesyen Aman Jaya,

Casuarina@Meru

Perak

30 November 2015 (Isnin)

Alhamdulillah Warga Audit dari seluruh negara dapat berkumpul buat julung-julung kali di Bandaraya Ipoh, Negeri Perak Darul Ridzuan untuk merayakan Hari Audit 1Malaysia pada hari ini. Hari Audit 1 Malaysia adalah acara tahunan yang penting bagi semua juruaudit sektor awam, sama ada yang bertugas di Jabatan Audit Negara muhupun di Bahagian/Unit Audit dalam membaharui tekad dalam semangat sehati sejiwa menginsafi peranan mereka membantu perkhidmatan awam kita membetulkan apa-apa kelemahan yang biasa terdapat dalam pengurusan kewangan dan memberi dorongan kepada usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan awam membiasakan amalan-amalan yang betul dan terbaik. Perhimpunan raksaksa audit pada hari ini, diberi penghormatan istimewa pula dengan kehadiran YAB Menteri Besar Perak, Dato Seri DiRaja Dr Zambry Abdul Kadir serta ahli-ahli Exco, YB. Dato Seri Puhat, SUK Perak dan lain-lain pembesar Negeri Perak. Begitu juga kita mengalu2kan kehadiran pegawai-pegawai kanan dari luar Negeri Perak yang dapat melapangkan masa bersama-sama kita untuk diraikan pencapaian kecemerlangan pengurusan kewangan mereka. Bagi pihak warga audit sekelian saya mengucapkan Selamat Datang kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar Perak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sokongan padu yang diberikan oleh beliau dan Kerajaan Negeri Perak dalam menjayakan pelbagai aktiviti dalam program sambutan Hari Audit 1Malaysia kita. Tanpa sokongan dan kerjasama itu tidaklah mungkin sambutan Hari Audit 1Malaysia kita tahun ini sebegitu meriah dan bersemarak sekali. Marilah kita sama-sama bangun untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih kita.

Saya ada pantun Dato' Seri,

Banyak duri perkara duri
Duri dibuang bukannya senang
Banyak budi perkara budi
Budi tuan tetap dikenang

Sesungguhnya pemukiman warga audit satu Malaysia di Perak ini adalah satu acara yang amat penting. Bukan sahaja untuk meraikan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di peringkat negeri yang mencapai tahap kecemerlangan dalam pengurusan kewangan pada tahun lalu atau bertukar-tukar fikiran dan idea untuk memperkasakan Jabatan Audit Negara dan Bahagian/Unit Audit Dalam menerusi Persidangan Juruaudit yang akan berlangsung pada hari ini dan esok ataupun mendekati rakyat menerusi program kemasyarakatan di Kampung Bawong, Sg Siput pada hari semalam tetapi juga kerana ianya merupakan wadah untuk kita sama-sama bermuhasabah dan memikirkan apa lagi yang boleh dibuat untuk memantapkan lagi prestasi penjawat awam dalam bidang pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti, program dan projek kerajaan dan juga tadbir urus syarikat dan anak-anak syarikat Kerajaan sebagai *response* kepada tuntutan rakyat dan masyarakat supaya sistem penyampaian perkhidmatan awam kita sentiasa cekap dan berkesan, supaya tiada lagi kes-kes kecuaian, pemborosan, pembaziran dan ketirisan yang kerap didedahkan dalam laporan audit dan dirisaukan oleh masyarakat.

Bagi menangani permasaalahan ini saya melihat peri pentingnya peranan juruaudit, samada juruaudit luar mahupun juruaudit dalam menghasilkan laporan-laporan audit yang berkualiti dan berimbang serta mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan yang praktikal. Lebih penting lagi saya rasa ialah komitmen pihak yang diaudit menyedari dan menginsafi akan kelemahan-kelemahan atau kekurangan mereka dan pantas mengambil tindakan-tindakan *corrective* dan *punitive* demi kelangsungan imej perkhidmatan awam kita dan memenangi hati stakeholders mereka yang sentiasa mahu melihat perkhidmatan awam yang berwibawa dari segi kecekapan, akauntabiliti dan integriti. Sebagai manusia kita tentunya tidak sunyi dari kesilapan dan kelemahan. Namun janganlah disebabkan kesilapan atau kelemahan kita itu, jabatan kita dan kerajaan menanggung kerugian. Perbelanjaan yang berhemat dan cermat pasti membolehkan kerajaan membawa banyak lagi kemajuan dan pembangunan kepada rakyat. Maka saya fikir *the way forward* ialah kita penjawat awam sentiasa mengambil

iktibar daripada kes2yang didedahkan oleh audit dan sentiasa bersusah mengamalkan amalan-amalan terbaik atau *best practices* dalam menguruskan hal-hal kewangan sama ada daripada segi kutipan hasil, pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan dan berusaha menguruskan program dan projek-projek kerajaan dengan cemerlang dari segi ketelitian dan berkesan dari segi pencapaian objektifnya. Kita semua perlu berwaspada supaya ruang2-ruang berlakunya risiko ketirisan, pemborosan dan pembaziran dalam urusan yang dipertanggungjawabkan kepada kita sentiasa diawasi dan dikawal.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan pemerhatian saya bahawa pada hari ini negara kita telah berjaya mewujudkan satu sistem akauntabiliti pengurusan wang awam yang amat telus yang mana semua *stakeholders* termasuk rakyat sendiri dapat memantau dan menilai sejauh mana perkhidmatan awam dan kerajaan *serious* menangani segala isu yang dibangkitkan dalam laporan audit. Proses pengauditan, pelaporan, pemantauan tindakan-tindakan *corrective* dan *punitive* yang mantap dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan seperti pengwujudan AG Dashboard dan Jawatankuasa Tindakan LKAN ditambah dengan penerimaan Indeks Akauntabiliti sebagai KPI ketua-ketua jabatan dan sesi Townhall ketua-ketua jabatan dengan media selepas pembentangan laporan audit di Dewan Rakyat, kesemuanya ini merupakan satu sistem yang unik, yang saya difahamkan tidak ada diamalkan di negara lain dan yang lebih pentingnya ia menggambarkan betapa *seriousnya* Kerajaan dan perkhidmatan awam dalam menangani isu-isu audit berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti dan integriti. InshaAllah dengan adanya usaha-usaha yang konsisten oleh pemimpin-pemimpin perkhidmatan awam dan ketua-ketua jabatan dan agensi maka kita berasa yakin akan kuranglah teguran-teguran audit, akan lebih cekaplah agensi-agensi kerajaan merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan berkuranganlah kes-kes ketirisan dan pembaziran yang menjadi kemarahan rakyat.

Akhir sekali, bagi pihak Warga Audit sekalian, sukalah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan yang telah menguruskan kewangan mereka dengan cemerlang dan diberi pengiktirafan sempena Sambutan Hari Audit 1Malaysia pada hari ini. Semoga kecemerlangan ini dapat dikekalkan sesuai dengan

amanah yang diberikan agar kewangan organisasi kita sentiasa diuruskan dengan cemerlang.

Akhir kalam saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar Perak di atas kesudian beliau hadir dan merasmikan sambutan Hari Audit 1Malaysia.

Dini hari berangkat pulang
Sempat mandi di Gunung Rapat
Integriti di tingkat amanah dijulang
Khidmat bakti mendapat berkat

Terima kasih, terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah,

Assalamualaikum w.b.t